

23/01/2001

Orang Melayu mesti terus pertahan martabat bangsa

MELAKA, Isnin - Masyarakat Melayu, khususnya ahli Umno dinasihatkan menjadi bangsa yang bermartabat bagi memastikan nikmat yang dikecapi selama ini, dapat dipertahankan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tiada gunanya bangsa Melayu terus wujud sedangkan pada masa yang sama mereka gagal memartabatkan diri sehingga menjadi bangsa yang cemerlang.

Serentak itu, beliau yang juga Timbalan Presiden Umno, menyeru pemimpin Umno mengekalkan perpaduan sekali gus meneruskan perjuangan yang sudah dipelopori oleh pejuang terdahulu.

"Jika perjuangan ini gagal diteruskan generasi sekarang, ia hendaklah diteruskan generasi akan datang dan begitulah seterusnya," katanya pada majlis makan malam anjuran Badan Perhubungan Umno Melaka di Seri Bendahara di sini, malam ini.

Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, semua ahli Majlis Tertinggi (MT) serta pemimpin Umno di peringkat bahagian dan cawangan.

Menurut Abdullah, atas dasar perpaduan itulah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil inisiatif mengadakan pertemuan dengan pemimpin Pas berhubung perpaduan orang Melayu.

Katanya, hanya melalui perpaduan, hasrat bangsa Melayu untuk mencapai matlamat menjadi satu bangsa yang maju serta bangsa yang cemerlang, dapat dicapai.

Beliau berkata, sejarah banyak membuktikan pelbagai kejayaan dan sejarah ketamadunan yang dicapai sesuatu bangsa, lenyap ditelan zaman apabila akhlak diabaikan.

"Kenikmatan yang diperolehi ini, boleh hilang jika kita tak pandai menjaganya.

"Perbuatan rasuah serta penyelewengan kuasa boleh menyebabkan perpecahan dan jika ini berlaku, kita tidak boleh menyalahkan Allah SWT kerana ini adalah kesilapan kita sendiri," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap orang Melayu, khususnya ahli Umno, akan terus mengekalkan perpaduan dengan kaum lain, bagi meneruskan perjuangan memajukan negara ini.

(END)